



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### FASA KEDUA PERKONGSIAN PENGGERAK UTAMA (PRIME MOVER) UNTUK MENARIK SEMI-TRELER DALAM KUMPULAN SYARIKAT BERKUATKUASA PADA 5 MEI 2022.

Pada 1 September tahun lalu, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melaksanakan polisi baharu untuk membenarkan perkongsian penggerak utama (prime mover) dan semi-treler yang membawa kontena dalam kumpulan syarikat.

Fasa pertama pelaksanaan polisi ini bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat logistik mengurangkan kos dalam menjalankan perniagaan (cost of doing business), meningkatkan kadar kecekapan industri logistik dan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada. Sebelum pelaksanaan polisi baharu tersebut, prime mover perlu didaftarkan kepada semi-treler dengan nisbah 1:7 yang dilihat boleh menghadkan kemampuan sesebuah syarikat logistik beroperasi secara optimum.

Sukacita saya mengumumkan bahawa berkuatkuasa pada 5 Mei 2022, pelaksanaan polisi baharu untuk membenarkan perkongsian prime mover dan semi-treler diperluaskan kepada jenis luton/kotak dan kargo am.

Pelaksanaan Fasa Kedua ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat pelaksanaan Fasa 1 dan perkara-perkara berikut:

- Hanya melibatkan anak-anak syarikat di peringkat pertama (first tier) sahaja, dengan pegangan ekuiti syarikat induk sekurang-kurangnya 51%;
- Berat Dalam Muatan (BDM) prime mover dan treler yang dibenarkan untuk pertukaran (interchanging) adalah tertakluk kepada BDM semi-treler atau Berat Gabungan Keseluruhan (BGK) penggerak utama, yang terendah di antara keduanya;
- Penguatkuasaan ke atas kesalahan di bawah akta-akta yang terlibat dengan perubahan polisi ini akan dikenakan ke atas prime mover sahaja;





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

- Keperluan untuk pihak syarikat mendapatkan Kelulusan Teknikal Kenderaan terlebih dahulu daripada JPJ sebelum boleh memajukan permohonan perkara ini kepada pihak APAD;
- Kebenaran ini hanya boleh digunakan untuk kenderaan yang dikategorikan di bawah jenis kenderaan yang sama sahaja. (terpakai untuk Fasa 1 dan 2). Contohnya sebuah prime mover yang telah didaftarkan untuk menarik semi-treler jenis kotak tidak boleh menarik semi treler jenis kargo am.
- Polisi untuk pendaftaran (Lesen A (selain kontena)) dikekalkan kepada satu prime mover kepada 1 semi-treler (1:1). Prime mover dan semi-treler yang ingin dikongsi dalam kumpulan syarikat mestilah telah berdaftar dengan APAD (untuk permohonan di Semenanjung Malaysia);

Polisi baharu yang dilaksanakan oleh MOT adalah berdasarkan semakan yang dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan peraturan sedia ada selari dengan perkembangan industri dan menyumbang kepada peningkatan kecekapannya. Semakan ini dilaksanakan melalui Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) dan selaras dengan peruntukan Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**21 APRIL 2022**

**-TAMAT-**

---

**Pertanyaan Media**

Hotline 1800-88-7723

Faks +603 8892 0208

E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

